



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO
TARIKH	:	18/2/2019
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Harimau masuk perangkap

Oleh ZULKIFLI MANZOR

JELEBU – Seekor harimau kumbang yang dipercayai membunuh ternakan penduduk di Kampung Geylang, Simpang Perang di sini berjaya ditangkap jabatan Perhilitan Hutan Negara (Perhilitan) negeri kelmarin.

Pengerah Perhilitan Negeri Sembilan, Wan Mat Wan Harun berkata, harimau itu memasuki perangkap besi yang dipasang di kampung tersebut sejak dua minggu lalu pada pukul 10 malam.

"Kami menggunakan umpan seekor kambing hidup yang diletakkan di

dalam sangkar berasingan bersebelahan perangkap besi tersebut," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Wan Mat berkata, pihaknya belum dapat mengenal pasti jantina, usia dan harimau kumbang itu kerana harimau tersebut akan menjalani prosedur rawatan oleh jabatan Veterinar dan Perhilitan Negeri Sembilan.

Jelasnya, harimau itu bagaimanapun akan dilepaskan ke habitat asal sekiranya pemeriksaan mendapati ia sihat.

Tambahnya, harimau kumbang adalah spesies terancam yang sukar ditemui dan dilindungi sepe-



HARIMAU kumbang yang memasuki perangkap dipasang jabatan Perhilitan di Jelebu, Negeri Sembilan kelmarin.

nyahnya mengikut jadual kedua Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).
Kosmo/ semalam melaporkan kira-kira 15 ekor biri-biri milik penternak,

Ibrahim Masin, 60, di kampung Geylang ditemui mati dipercayai dibanam harimau berdasarkan keadaan bangkai harimau itu yang disat kulitnya sehingga menampakkan



SEBAHAGIAN daripada 15 ekor biri-biri ditemui mati dalam kandang dipercayai dibanam harimau kumbang.

tulang rusuk.

Kejadian itu disedari pada pada pukul 9 pagi ketika peniliknya memasuki kandang yang terletak berhampiran rumahnya untuk memberi harimau tersebut

makan.

Ia adalah kejadian keempat berturut-turut di kampung itu dan kira-kira 20 ekor biri-biri milik penduduk mati dipercayai dibanam harimau sama sebelum ini.